

# Mohon pekerja asing dilulus 3 hari

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selepas mengharungi pelbagai cabaran untuk mengaji pekerja asing, majikan kini boleh mengambil tenaga kerja daripada 15 negara sumber, tanpa melalui prasyarat kelayakan pengajian serta kelayakan kuota.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perkara itu dimuktamadkan melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing dan permohonan mengambil pekerja boleh diluluskan dalam tempoh tiga hari.

Menurut beliau, perkara itu adalah sebahagian daripada beberapa keputusan Mesyuarat Khas Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berlangsung di Bangunan Perdana Putra semalam.

Bagaimanapun, kata beliau, kelulusan itu diberikan secara bersyarat iaitu akan ada proses naziran dan inspektoran dengan tindakan pemantauan dan pemeriksaan daripada agensi kawal selia berkaitan.

"Kerajaan mewujudkan Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing untuk membenarkan majikan menggajikan pekerja asing



**ANWAR Ibrahim** mempengerusikan Mesyuarat Khas Pengurusan Pekerja Asing di Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dari 15 negara sumber berdasarkan kemampuan dan keperluan sebenar tanpa perlu melalui prasyarat kelayakan pengajian serta kelayakan kuota.

"Melalui pelan ini, majikan daripada tujuh sektor kritikal yang memerlukan pekerja asing boleh membuat permohonan secara terus atau melalui ejen dengan jaminan kelulusan diberikan dalam tempoh kurang tiga hari," kata beliau.

Saifuddin berkata, mesyuarat turut bersetuju menerusi

pelan khas berkenaan, siri lawatan kerja delegasi Malaysia dilaksanakan ke negara-negara sumber terpilih bertujuan membincangkan perihal keselamatan dan kebajikan pekerja asing di Malaysia.

"Satu delegasi untuk pergi ke negara sumber utama bagi membincangkan dan untuk kita maklumkan tentang anjakan polisi ini kepada negara itu supaya mereka faham bahawa kita berhasrat memudahkan dan mohon mereka ikut berdasarkan sistem

dan polisi negara mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata, kelonggaran bersyarat itu antaranya termasuk pematuhan kepada Akta Pekerja 1955 khususnya Seksyen 60K seperti gaji minimum dan bayaran Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang dulunya dipinda dan diwartakan pada 1 Januari tahun ini.

"Tetapi komitmen kerajaan ialah majikan kena memasukkan permohonan daan piagam pel-

anggan kita untuk pelaksanaan Akta Pekerja 1955 khususnya Seksyen 60k adalah kelulusan dalam tempoh kurang tiga hari.

"Saya ingatkan kemudahan dan kelonggaran ini bukanlah untuk tempoh selama-lamanya namun bersifat di luar jangka bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara," katanya.

Saifuddin Nasution berkata, maklumat terperinci berhubung pelan tersebut akan dimaklumkan dalam masa terdekat untuk memandu pihak berkepentingan.